

# IQRA'

Bil. 6/2022  
JUN

eISBN : 2735-1920

## Selamat Datang

Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Islam (BHEI)  
ke  
Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR)  
03 Jun 2022 (Jumaat) | 9.30 Pagi  
Bilik Mesyuarat Utama, PTAR

*Kunjungan Hormat PTAR Ke Atas Pengarah BHEI  
PTAR SHAH ALAM - m/s 5*

Lawatan Dan Mesyuarat Program Khidmat Masyarakat  
**PROGRAM TRANSIT ILMU  
BIL 2 /2022**  
BERSAMA WAKIL  
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka  
Pejabat Pendidikan Daerah Alor Gajah  
SK Alor Gajah 1  
SK Lendu  
SK Dato' Nanning  
SMK Dato' Haji Taib Karim  
SMK Dato' Idris Said  
SMK Seri Pengkalen

15 Jun 2022 2:30 petang  
PTAR UiTM Cawangan Melaka  
Kampus Alor Gajah

*Program Transit Ilmu Bil. 2/2022  
PTAR ALOR GAJAH - m/s 14*

**BENGKEL  
PENYEDIAAN  
PROFIL PENYELIDIK**  
22 JUN 2022 (RABU)  
10:00 PAGI  
PLATFORM: CISCO WEBEX

CIK NOR AZHINA KASIM  
PUSTAKAWAN  
PDSM UiTM CAWANGAN PERLIS

CIK HAZLIN IBRAHIM KHAN  
PUSTAKAWAN KAMAR  
PTAR UiTM CAWANGAN MELAKA

*Program Penyediaan Profil Penyelidik  
PTAR MACHANG - m/s 19*

Gambar-gambar sepanjang gotong-royong dijalankan

*Gotong-Royong Pelupusan Perabot  
PTAR PULAU PINANG - m/s 22*

**PROGRAM  
READ  
@UiTM**  
PTAR SERI ISKANDAR  
22-23 JUN 2022  
8.30 PAGI - 4.30 PETANG

BOOK REVIEW | E-SPORTS (FIFA) | KAHOOT!  
UNO STACKO | PICK-UP STICK | CONGGAK

*Program Read@UiTM PTAR Seri Iskandar 2022  
PTAR SERI ISKANDAR - m/s 30*

## PROMOSI@PTAR

Do you have questions regarding reference material?  
**CHAT WITH LIBRARIAN**  
To help you with your OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)  
<https://librarians@uiutm.my/#chat>

**IQRA BULLETIN**



# LIVE@PTAR BICARA PAKAR: SEJARAH KESULTANAN NEGERI TERENGGANU

3 JUN 2022

Disediakan oleh: Noor Azureen Abd Aziz

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
Menyorokkan Potensi  
Membentuk Masa Hadapan

## Sejarah KESULTANAN NEGERI TERENGGANU

Anjuran: Perpustakaan Tun Abdul Razak Dengan Kerjasama Strategik Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam

3 JUN 2022 | JUMAAT  
10:00 PAGI - 12:00 TENGAH HARI  
Live Webinar  
YouTube UiTM Channel

**Panel Jemputan**  
PROF. DATO DR HAJI MOHAMED ANWAR OMAR DIN  
Profesor Adjunct  
Asean University

**Moderator**  
PROF. DATUK DR SHAMRAHAYU AB AZIZ  
Penyandang  
Kursi Institusi Raja-Raja Melayu  
UiTM Shah Alam

Pada 3 Jun 2022 (Jumaat), Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) dan Kursi Institusi Raja-Raja Melayu UiTM Shah Alam telah mengadakan Live@PTAR Bicara Pakar yang bertajuk Sejarah Kesultanan Negeri Terengganu bersama moderator YBhg. Profesor Datuk Dr. Shamrahayu Ab. Aziz dan panel jemputan YBhg. Prof. Dato' Dr Haji Mohamed Anwar Omar Din, Professor Adjunct Asean University merangkap Ketua Kluster Penyelidikan Peradaban Melayu dan Islam UNiSZA.

Bicara pakar pada kali ini membincangkan tentang Sejarah Kesultanan Negeri Terengganu. YBhg. Prof. Dato' Mohamed Anwar telah menerangkan hubungkait kedudukan kedaulatan raja dengan negeri, agama Islam dan rakyat jelata. Seperti yang dibincangkan, hubungan pengikat antara raja dengan rakyat adalah berdasarkan kepentingan agama Islam. Secara dasarnya, raja dan rakyat harus saling berhubungan antara satu sama lain demi kesejahteraan negara.

Salah satu soalan daripada penonton YouTube "Tujuan Bunga mas diberi kepada Raja Siam, adakah sebagai tanda persahabatan atau tanda menerima pertuanan?"

Menjawab kepada soalan tersebut, Dato' Mohamed Anwar menyatakan bunga mas itu merupakan sebuah pokok yang diperbuat daripada emas dan timah yang diberikan kepada Raja Siam sebagai tanda persahabatan di antara dua buah kerajaan berdaulat.

